

PM: Jadilah rakan kongsi kerajaan

KUALA LUMPUR 22 Feb. — Matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang 2020 hanya akan tercapai jika sektor industri memainkan peranan sepenuhnya sebagai rakan kongsi kerajaan, kata Perdana Menteri, Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, sektor industri perlu memainkan peranan utama sebagai jentera memastikan pertumbuhan pesat ekonomi negara.

"Dalam kerajaan menyediakan suasana persekitaran yang sesuai bagi pertumbuhan ekonomi dan membuat perancangan arah kegiatan perniagaan, sektor industrilah yang mesti mengambil tempat," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian ketika berucap pada mesyuarat permulaan Kumpulan

Pemandu Industri dan pelancaran Kumpulan Perunding Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CCGTM) - Rakan Kongsi Sektor Swasta (CPSP) dan Kumpulan Industri - Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) di Jabatan Perdana Menteri di sini hari ini.

Dalam soal ini, Dr. Mahathir berpendapat hubungan perkongsian yang kukuh antara sektor awam dan swasta ke arah proses globalisasi perniagaan bukan saja perlu malah amat kritikal.

"Globalisasi bukan sekadar menjalankan perniagaan di seluruh dunia malah ia merangkumi desentralisasi, autonomi yang lebih dalam unit-unit luar pesisir, hubungan antara proses dan aktiviti yang berbeza serta pelaburan semula di negara tempat syarikat berkenaan beroperasi.

Globalisasi, menurutnya, merupakan integrasi perniagaan bagi mencapai lebih keberkesanan dan keuntungan seiring dengan rancangan pertumbuhan bagi ekonomi nasional.

Sehubungan dengan itu, menurut Dr. Mahathir, proses globalisasi dalam perniagaan boleh dimanfaatkan sepenuhnya melalui pemupukan perkongsian dan kerjasama antara sektor awam dan swasta di peringkat kebangsaan (seperti MIGHT) dengan peringkat antarabangsa (CPSP).

Hubungan perkongsian ini, katanya, akan lebih berkesan jika kedua-dua pihak beroperasi sebagai sebuah rangkaian kerjasama yang inovatif dengan mengambilkira aspek fleksibal dan saling percaya-mempercayai antara satu dengan lain.